KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP)

KEBENARAN BEROPERASI PERGERAKAN KAKITANGAN BAGI PERKHIDMATAN PROFESIONAL DALAM INDUSTRI PEMBINAAN

1. PENGENALAN

1.1 Prosedur Operasi Standard (SOP) ini disediakan selaras dengan keputusan Kerajaan untuk membenarkan kerja-kerja pembinaan (sektor tambahan) dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa III yang melibatkan perkhidmatan professional.

2. BIDANG PROFESIONAL YANG DIBENARKAN

2.1 Semua perkhidmatan yang terlibat dalam industri pembinaan yang meliputi perkara-perkara berikut :-

2.1.1 Seni bina
2.1.2 Kejuruteraan
2.1.3 Perancang Bandar
2.1.4 Kerja-kerja Ukur Tanah
2.1.5 Kerja-kerja Ukur Bahan
2.1.6 Pengurusan Projek
2.1.7 Pengurusan Fasiliti
2.1.8 Lain-lain perkhidmatan professional yang diluluskan oleh MITI dari masa ke semasa.

2.2 Kebenaran ini adalah bagi sektor pembinaan yang telah mendapat Surat Kebenaran Beroperasi daripada MITI sahaja sebagaimana Prosedur Operasi Standard Am dan Garis Panduan AM Kebenaran Beroperasi Serta Pergerakan Pekerja Bagi Projek Pembinaan Dalam Tempoh PKP yang dikeluarkan oleh Kementerian Kerja Raya dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB).

2.3 Firma/syarikat perlu mendapatkan kelulusan beroperasi daripada pihak MITI.

2.4 Kebenaran hanya diberikan kepada mana-mana firma/ syarikat yang berdaftar dengan mana-mana badan profesional yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia sebagaimana berikut:-

i. Lembaga Jurutera Malaysia
ii. Lembaga Arkitek Malaysia (LAM)
iii. Lembaga Jurukur Tanah Malaysia (LJT)
iv. Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM)
v. Lembaga Penilai, Penaksir dan Agen Hartanah
vi. Lembaga Jurukur Bahan Malaysia (LJBM)
vii. Lembaga Perancang Bandar Malaysia (LPBM)
viii. The Institution of Engineers, Malaysia (IEM)
ix. The Institution of Surveyors Malaysia

2.5 Firma/syarikat perlu mendapatkan kelulusan daripada pihak MITI dan kelulusan tersebut hendaklah dipamerkan di premis masing-masing.

3. WAKTU OPERASI

3.1 Waktu operasi yang dibenarkan ialah dari jam 08.00 pagi sehingga pukul 05.00 petang, lima (5) hari seminggu (Ahad – Khamis) dan tiada kerja lebih masa dibenarkan.

4. JUMLAH KAKITANGAN

4.1 Jumlah kakitangan yang dibenarkan pada satu-satu masa adalah tertakluk kepada komposisi firma/syarikat termasuk cawangan sekiranya ada, iaitu berdasarkan deklarasi jumlah kakitangan firma/syarikat semasa permohonan kepada MITI.

4.2 Bilangan dan peratusan yang dibenarkan adalah sebagaimana berikut :-

Jumlah Komposisi kakitangan	Bilangan / Peratusan Yang Dibenarkan
21 Org ke atas	20 %
10 – 20 org	30%
Kurang 10 org	3 Org

4.3 Jumlah kehadiran setiap masa hendaklah direkodkan dalam buku daftar khas berkenaan dengan maklumat kakitangan, waktu masuk dan waktu keluar. Rekod kehadiran hendaklah disimpan untuk tempoh minimum 6 bulan.

5. LIMITASI PERTEMUAN DENGAN PELANGGAN

5.1 Kebenaran beroperasi tidak meliputi pertemuan dengan pelanggan. Konsultasi dengan pelanggan hanya bagi perkara yang benar-benar mendesak dengan kehadiran seorang pelanggan pada satu-satu masa.

5.2 Kehadiran pelanggan hendaklah direkodkan dalam buku kehadiran khas berserta maklumat nama pelanggan, alamat, no. telefon, waktu masuk dan keluar dan catatan urusan. Rekod kehadiran hendaklah disimpan untuk tempoh minimum selama 6 bulan.

5.3 Firma/syarikat digalakkan menggunakan khidmat penghantar surat firma/syarikat untuk mendapatkan tandatangan atau pengesahan apa-apa dokumen dengan mengamalkan penjarakan sosial selain pematuhan kepada prosedur pencegahan Covid-19 yang lain seperti penggunaan *hand sanitizer* dan pemakaian penutup hidung dan mulut (*face mask*).

6. KERJA-KERJA DI LAPANGAN

6.1 Bagi kerja-kerja perkhidmatan yang memerlukan kerja-kerja di lapangan, Garis Panduan Amalan Langkah Pencegahan Covid-19 di tapak yang dikeluarkan oleh CIDB adalah terpakai.

6.2 Firma/syarikat hendaklah memastikan kerja-kerja lapangan yang terdesak sahaja dijalankan dengan penglibatan pekerja yang minima dan berdasarkan keperluan sahaja.

7. LAIN-LAIN SYARAT

7.1 SOP ini hendaklah dibaca bersama *Prosedur Standard Operasi Kebenaran Beroperasi Serta Pergerakan Pekerja Bagi Syarikat-Syarikat Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan* yang dikeluarkan oleh MITI sebagaimana berikut:-

a. Firma/syarikat dikehendaki untuk menyediakan alat saringan suhu badan di pintu masuk pejabat dengan bacaan suhu harian kakitangan direkodkan;

b. Kakitangan yang mempunyai bacaan melebihi kadar tidak sihat (37.5°) adalah tidak dibenarkan memasuki premis dan menjadi tanggungjawab firma/syarikat merujuk kakitangan berkenaan untuk mendapatkan rawatan di Klinik Kesihatan;

c. Prosedur pencegahan Covid-19 hendaklah dipatuhi termasuk penjarakan sosial 1 meter;

d. Firma/syarikat hendaklah menyediakan *hand sanitizer* serta memastikan pemakaian *face mask* oleh kakitangan adalah dipatuhi pada setiap masa;

e. Firma/syarikat hendaklah menjalankan proses sanitasi pembasmian kuman di premis sebanyak 2 kali sehari ;

f. Sekiranya terdapat kakitangan yang dijangkiti Covid-19, firma/syarikat hendaklah menanggung kos perubatan dan kos-kos berkaitan.

8. TARIKH KUAT KUASA

8.1 SOP ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan dan akan berakhir selepas berakhirnya Perintah Kawalan Pergerakan.